>Oleh MARY VICTORIA DASS
lan MOHD SAH MUDA
netahad@hmetro.com.my

# Konvoi terakhir

Metro 2/12/12 MS 6

## Lima maut dalam perjalanan hantar ahli keluarga ke UiTM Jengka

MERSING: "Saya memperlahankan kereta kerana tak nampak kereta dipandu menantu yang mengekori saya. Tak lama kemudian, saya menerima panggilan telefon daripada keluarga terdekat memberitahu kereta menantu terbabit kemalangan," kata Maidin Mohamad, 66.

Akibat nahas ngeri di Kilometer 13 Jalan Endau-Mersing di sini, jam 7.30 pagi semalam, Maidin kehilangan dua anak, seorang menantu dan dua cucu.

Ketika kejadian, MPV Nissan Livina dinaiki enam sekeluarga itu dalam perjalanan dari Kota Tinggi ke Jengka, Pahang, untuk menghantar ahli keluarga mendaftar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Jengka.

Empat yang maut di tempat kejadian ialah pemandu MPV berkenaan, Abdullah M Yusof, 43; isterinya, Samsiah Maidin, 37; anak kedua mereka, Maisarah, 4, dan kakak ipar Abdullah, Noraini, 41.

Anak sulung mereka, Muhammad Aiman Syakirin, 8, pula maut ketika menerima rawatan kecemasan di Hospital Mersing, manakala anak bongsu, Ammar Haziq, 3, yang duduk di depan bersama ibu bapanya, kini dirawat di unit kecemasan akibat cedera di kepala dan badan.

Maidin yang juga bapa kepada Samsiah berkata, ketika kejadian, dia bersama isteri, Minah Ismail, 60, anak bongsu, Muhammad Hakimi, 18, dan seorang anak perempuannya menaiki Perodua Myvi dalam perjalanan ke Jengka untuk menghantar Muhammad Hakimi mendaftar.

Katanya, mereka sekeluarga merancang perjalanan itu sejak beberapa hari lalu dan mengambil keputusan berkonvoi dua kereta kerana tidak mahu terlalu sempit.

"Kami bertolak secara konvoi dari Felda Air Tawar 5, Kota Tinggi ke Jengka, Pahang, sebelum subuh dan singgah di Masjid Sri Lalang, Mersing, untuk solat Subuh dan minum di warung berhampiran.

"Selepas berehat beberapa minit, kami meneruskan perjalanan dan kereta Myvi dipandu saya berada di depan manakala Nissan Grand Livina dipandu menantu berada di belakang.

"Selepas sejam, saya pelik apabila tak dapat lihat kereta mereka dan memperlahankan kenderaan," katanya.

Menurutnya, tidak lama kemudian dia menerima panggilan telefon daripada seorang ahli keluarga memberitahu anaknya sekeluarga terbabit dalam kemalangan, menyebabkannya berpatah balik ke lokasi.

Katanya, sebaik tiba di lokasi, dia mendapati keluarga anaknya masih terperangkap sebelum menunggu kehadiran bomba dan penyelamat untuk mengeluarkan mereka.

FOTO | Mohd Sah muda



**REMUK...** keadaan kereta dan lori tangki yang terbabit dalam kemalangan hingga mengorbankan lima nyawa di kilometer 13 Jalan Mersing-Endau.



**"Kereta saya berada di depan manakala kereta menantu berada di belakang. Selepas sejam, saya pelik apabila tak dapat lihat kereta mereka"**

>Maidin Mohamad

HM e-Paper
Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my